

Research Awards:
Gold Medal & i-ENVEX Best Award in The 4th International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX 2013), UniMAP.

**Silver Medal & KUIA Special Award in Macau International Innovation & Invention Expo,
Macau Fisherman's Wharf & Exhibition Centre**

Project Title: Smart Attendance Management System (SAMS)

**Researchers: Siti Hawa Apandi , Hazim Anas B. Mohamad,
Rozlina Mohamed, Aziman Abdullah**



Projek ini dimulakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). Ia adalah sistem maklumat bersepadu yang menggabungkan beberapa modul. Ia dibina khusus untuk memenuhi kehendak sekolah menengah agama (SMA) di bawah pengawasan JAIP. Ianya sebahagian dari agenda BTM yang ingin mengadakan pembangunan bersama dengan IPT sebagai sebahagian dari khidmat masyarakat. Saya terlibat dalam salah satu modul sistem iaitu "Attendance Management System".

Pembangunan sistem bermula pada September 2011. Sistem siap pada Julai 2012. Pihak BTM telah menghubungi pensyarah UMP, Pn. Rozlina Mohamed yang juga merupakan penyelia Projek Sarjana Muda (PSM) Siti Hawa, mempelawa untuk turut serta dalam pembangunan sistem ini secara kolaborasi.

Tujuan sistem ini dibangunkan adalah untuk membantu pihak pengurusan sekolah mengurus kedatangan pelajar secara lebih efektif dan efisien melalui sistem berkomputer. Proses mengambil kehadiran pelajar sebelum ini dilaksanakan secara manual menggunakan Buku Jadual Kedatangan Pelajar akan ditukar kepada sistem berkomputer di mana guru kelas akan merekod kehadiran pelajar menggunakan aplikasi komputer yang dibangunkan. Laporan analisa kehadiran pelajar akan dapat

disiapkan dengan cepat dan tepat untuk proses pemantauan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). Selain itu, terdapat mekanisma amaran awal di mana sistem mengenalpasti senarai pelajar yang tidak hadir secara automatik dan tindakan seperti menghantar SMS kepada ibubapa boleh dibuat melalui mekanisma ini. Bagi kes pelajar yang kerap tidak hadir ke sekolah tanpa sebab, surat amaran juga boleh dikeluarkan dengan hanya menyenaraikan nama pelajar melalui sistem.

mekanisma amaran awal di mana sistem mengenalpasti senarai pelajar yang tidak hadir secara automatik dan tindakan seperti menghantar SMS kepada ibubapa boleh dibuat melalui mekanisma ini.

Bagi kes pelajar yang kerap tidak hadir ke sekolah tanpa sebab, surat amaran juga boleh dikeluarkan dengan hanya menyenaraikan nama pelajar melalui sistem.

